

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHG 344 - Geografi Petempatan

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Jawab soalan no. 1 (SOALAN WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana TIGA soalan daripada Bahagian B. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Pilih dan jawab secara ringkas LIMA soalan berikut:
- (a) Apakah elemen-elemen utama yang terdapat pada sesebuah petempatan?
(8 markah)
 - (b) Bezakan konsep tapak dan kedudukan dalam petempatan luar bandar.
(8 markah)
 - (c) Apakah andaian-andaian yang terdapat dalam Model Sepusat?
(8 markah)
 - (d) Apakah yang dimaksudkan dengan 'takat penduduk' dalam salah satu model analisis petempatan?
(8 markah)
 - (e) Apakah perbezaan konsep 'jarak' dalam analisis rangkaian pengangkutan dengan yang terdapat dalam analisis orde barangan dan perkhidmatan?
(8 markah)
 - (f) Apakah yang dimaksudkan dengan 'morfologi' bandar?
(8 markah)
 - (g) Bagiamanakah 'pendapatan per kapita' berfungsi sebagai petunjuk pembangunan?
(8 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab TIGA soalan daripada Bahagian ini.

2. Bagaimanakah perhubungan manusia dengan alam sekitar mencerminkan penglibatan secara langsung dengan Geografi Petempatan?
(20 markah)

3. Kriteria 'penduduk' tidak memadai untuk dijadikan kriteria utama dalam membezakan di antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar. Bincangkan.
(20 markah)

4. Mengapakah berlakunya berbagai jenis petempatan luar bandar di Malaysia? Bincangkan dengan berdasarkan contoh-contoh yang sesuai.
(20 markah)

5. Sejauh manakah dasar Rancangan Pembangunan Wilayah dapat mencapai matlamatnya di Malaysia? Bincangkan dengan berdasarkan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)

oooOooo

